

BAB 3 :

KONSEP HALAL MENURUT PERSPEKTIF PEMIKIRAN ISLAM

3.1 PENGENALAN

Masyarakat Islam hari ini melihat penggunaan logo halal sebagai penanda aras yang sangat penting. Malangnya kebanyakan pengguna tidak mempunyai maklumat yang cukup untuk membuat keputusan terhadap sesuatu pembelian barangan. Maka tidak hairanlah masyarakat awam sentiasa dalam keadaan ragu-ragu ketika menggunakan barangan sungguhpun terpapar perkataan halal dari pihak berkuasa tempatan mahupun luar negara. Pada masa yang sama berlaku peningkatan permintaan pasaran global dan peluang perniagaan produk halal tanpa mengira agama dan budaya. Sedangkan syariat Islam yang menjadi sandaran kepada prinsip halal memberi tawaran yang sangat istimewa terhadap kepentingan manusia sejagat.

Sebenarnya di sinilah tersembunyi rahsia kekuatan maksud halal yang dapat memenuhi keperluan fitrah manusia. Naluri murni manusia sangat cenderung kepada kesucian, kebersihan, keselamatan, kualiti dan kesan positif terhadap pembentukan insan. Malahan menolak segala sumber dan menutup segala ruang yang boleh mendatangkan penyakit dengan berkonsepkan pengawalan lebih baik dari pengubatan. Konsep halal tidak terbatas kepada aspek pemakanan semata-mata, malahan ia melibatkan segala aspek kehidupan manusia yang selari dengan paksi al-Qur'ān dan al-Sunnah.

3.2 KONSEP HALAL DALAM ISLAM

Perkataan ‘Halal’ adalah daripada kalimah Arab yang bermaksud dibenarkan atau dibolehkan.¹ Al-Qur’ān telah menyatakan perkataan halal sebanyak 49 kali.² Oleh yang demikian sebahagian besar penggunaan perkataan halal adalah merujuk kepada makanan umat Islam seperti Firman Allah³ yang berbunyi :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَاشْكُرُوا لِلَّهِ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ

“Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah kami berikan kepada kamu dan bersyukur kepada Allah jika betul kamu hanya beribadat kepadanya”.

Oleh yang demikian, majoriti ulama bersepakat mengatakan bahawa asal setiap sesuatu perkara adalah harus atau halal selagi tiada nas yang nyata mengharamkannya.⁴ Ternyata Islam memberi kemudahan begitu luas kepada manusia dalam mengatur kehidupannya.⁵ Oleh itu, seseorang tidak boleh sama sekali mengatakan haram kepada yang halal. Begitu juga, menghalalkan kepada yang haram. Allah berfirman :⁶

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تُحَرِّمُوا طَيِّبَاتِ مَا أَحَلَّ اللَّهُ لَكُمْ وَلَا تَعْتَدُوا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ

“Wahai orang-orang yang beriman! Jangan kamu haramkan sesuatu yang baik yang telah dihalalkan oleh Allah bagi kamu dan janganlah kamu melampaui batas, sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang melampaui batas”.

Prinsip dalam makanan halal adalah penting sebagai panduan umum dan mudah difahami terhadap konsep asas perundangan syariah, Dr. *Yusuf al-Qardhawi*

¹ ‘Ayiḍ, Aḥmad al- et al. (t.t.), *Mu’jam al-Arabī al-Asāsī al-Munazzamah*, al-‘Arabīyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqāfah wa al-Ulūm. h. 341.

² Al-Ḥāmshī, Muḥammad Ḥasan, Dr. (t.t) *Al-Qur’ān al-Karīm Tafṣīr wa al-Bayān Maa Asbāb al-Nuzūl li Suyūṭi*, t.p. Damsyik, h. 67.

³ al-Baqarah 2: 172.

⁴ Al-Suyūṭi, (t.t) *Al-Ashbah wa al-Nazāir*, Dār Iḥyā’ al-Kutub al-Arabī Isā al-Babī al-Halabī Shirkah, h. 66-67.

⁵ Prinsip Usul Fiqh tersebut adalah bersandarkan firman Allah dalam surah Luqmān ayat 20 yang bermaksud “*Adakah kamu tahu, bahawa sesungguhnya Allah telah memudahkan untuk kamu apa yang ada di langit dan di bumi dan ia telah sempurnakan untuk kamu nikmat-nikmatnya sama ada yang nampak mahupun yang tidak nampak*”

⁶ *Al-Māidah* 5: 87.

menggariskan 11 perkara dalam bukunya *al-Hāl wa al-Harām fi al-Islām*⁷ mengenai halal haram : Asal tiap sesuatu adalah harus (*mubāḥ*).

- i. Penentuan halal-haram adalah hak mutlak Allah semata.
- ii. Mengharamkan yang halal dan sebaliknya merupakan kesyirikan.
- iii. Perkara haram akan menimbulkan keburukan dan mudarat.
- iv. Setiap yang halal tidak memerlukan yang haram.
- v. Perantara menuju keharaman adalah haram.
- vi. Bersiasat terhadap yang haram adalah haram.
- vii. Niat baik tidak menghalalkan yang haram.
- viii. Jauhilah syubhah agar tidak terjatuh dalam perkara haram.
- ix. Yang haram berlaku untuk semua orang .
- x. Darurat membolehkan yang terlarang.

Oleh yang demikian, garis panduan tersebut hendaklah dijadikan sebagai panduan oleh semua umat Islam supaya dapat memudahkan mereka untuk memilih makanan yang halal dengan meneliti prinsip yang telah digariskan ini. Menurut Sayyid Sābiq, makanan halal adalah terdiri dari dua jenis iaitu benda yang tidak bernyawa seperti tumbuh-tumbuhan dan benda yang bernyawa seperti haiwan. Setiap yang tidak bernyawa adalah halal kecuali yang bernajis, memudaratkan atau memabukkan. Manakala haiwan yang bernyawa halal dimakan terbahagi kepada tiga iaitu haiwan di laut, dan haiwan di darat dan udara.⁸

Prinsip halal dan haram dalam Islam juga terdapat di dalam bukunya *al-Hāl wa al-Harām fi al-Islām*⁹ iaitu :

⁷ Yusūf al-Qarādāwī (1985), *al-Hāl wa al-Harām fi al-Islām*, Beirut : Maktābah al-Islāmi. h.21.

⁸ al-Sayyid Sābiq, (1985) *Fiqh al-Sunnah*, al-Mujallid al-Thāni, Dār al-Kutub al-Arabī, Beirut, h. 267.

⁹ Yusūf al-Qarādāwī, *Op.Cit.* h. 22-24.

- i. Semua perkara yang dicipta oleh Allah SWT adalah halal, melainkan dengan beberapa pengecualian yang khusus dilarang.
- ii. Halal atau haram sesuatu makanan adalah berdasarkan perintah-perintah yang dinyatakan dalam Al-Quran dan Sunnah.
- iii. Segala perantara yang haram adalah haram.
- iv. Tiap-tiap yang halal menolak yang haram.
- v. Mengharamkan Yang Halal Lagi Menghalalkan Yang Haram Sama Dengan Syrik.
- vi. Perihal ketentuan halal & haram semata-mata adalah hak Allah.
- vii. Menjauhkan diri dari syubhat karena takut terlibat dengan yang haram.

Berdasarkan beberapa prinsip di atas, Terdapat kawasan kelabu antara jelas yang sah di sisi undang-undang (halal) dan jelas menyalahi undang-undang (haram). Ini adalah kawasan "yang ragu-ragu." Orang yang bertakwa berusaha mengelakkan perkara-perkara yang syubhah, bagi mereka agar tidak terlibat melakukan perkara yang tersebut.

Salah satu daripada rahmat Allah terhadap manusia, iaitu: Ia tidak membiarkan manusia dalam kegelapan terhadap masalah halal dan haram, bahkan yang halal dijelaskan sedang yang haram jelas telah diperincikan. FirmanNya¹⁰:

وَقَدْ فَصَّلَ لَكُمْ مَا حَرَّمَ عَلَيْكُمْ

Maksudnya “Dan sungguh Allah telah menerangkan kepadamu apa-apa yang Ia haramkan atas kamu.”

Segala perkara yang halal sudah jelas, dan soal haram pun yang sudah jelas, samasekali tidak ada rukhsah untuk mengerjakannya, selama masih dalam keadaan berkemampuan. Tetapi di situ ada suatu persoalan, iaitu antara halal dan haram.

¹⁰ al-An'am: 119

Persoalan tersebut dikenal dengan nama *syubhah*, suatu persoalan yang tidak begitu jelas antara halal dan haramnya bagi manusia. Perkara ini terjadi kerana *tasyabbuh* (tidak jelasnya) dalil dan mungkin kerana tidak jelasnya penerangan untuk menentukan *nas* (dalil) yang ada terhadap suatu keadaan. Terhadap persoalan ini Islam memberikan suatu garis yang disebut *Wara'* (suatu sikap berhati-hati kerana takut terlibat perkara yang haram). Justeru, dengan sifat sedemikian, seorang muslim perlu untuk menjauhkan diri dari masalah yang masih syubhat, sehingga dengan demikian dia tidak akan termasuk untuk melakukan perkara yang haram.

3.3 DALIL DAN PENSYARIATAN MAKANAN HALAL

Umat Islam telah diperintahkan oleh Allah SWT untuk memilih makanan yang benar-benar halal. Perintah ini telah dinyatakan secara jelas di dalam al-Qurān dan Hadis. Di antaranya Allah S.W.T berfirman¹¹ :

قُلْ لَا أَجِدُ فِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَى طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ إِلَّا أَنْ يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا
مَّسْفُوحًا أَوْ لَحْمَ خَيْزِيرٍ فَإِنَّهُ رِجْسٌ أَوْ فِسْقًا أُهْلٍ لِّغَيْرِ اللَّهِ بِهِ فَمَنْ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا
عَادٍ فَإِنَّ رَبَّكَ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Maksudnya : “ Katakanlah ; tidaklah aku perolehi di dalam wahyu yang diwahyukan kepadaku,sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak makannya kecuali jika makanan itu bangkai,atau darah yang mengalir,atau daging babi kerana sesungguhnya semua itu adalah kotor,atau binatang yang disembelih atas nama selain Allah ”

Firman Allah S.W.T¹² :

وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبَائِثَ

¹¹ Al-An'ām 6 : 145

¹² Al-A'raf 7 : 157

Maksudnya:“ Dan dihalalkan bagi mereka segala yang baik dan diharamkan bagi mereka segala yang buruk ”

Hukum halal dan haram adalah milik mutlak Allah. Hanya Allah sebagai Pencipta yang mengetahui setiap hikmah atas larangan dan suruhan yang diturunkan kepada hambaNya kerana Dia Maha Mengetahui. Manusia tiada kuasa untuk menentukan status halal dan haram melainkan dengan merujuk kepada al-Qur’an dan Hadis Nabi Muhammad SAW Mazhab-mazhab yang wujud hanya menyesuaikan hukum Allah dengan suasana masyarakat dan tempat. Namun ia jelas jika tiada permasalahan yang jitu merujuk kepada al-Qur’ān dan al-Sunnah.

Menurut perbincangan penentuan hukum mazhab Syafi’i, metodologi istinbat hukum yang digunakan adalah seperti perkara yang berikut¹³:

- i. Al-Qur’ān dan As-Sunnah.
- ii. Ijma’
- iii. Pandangan Sahabat Nabi.
- iv. Qiyas

Kaedah penentuan hukum menurut mazhab Syafi’i adalah mengikut turutan sebagaimana di atas. Sumber hukum yang ada di bawahnya tidak boleh bertentangan dengan hukum yang berada di atasnya. Jika bertentangan, maka ianya tidak digunakan oleh mazhab Syafi’i. Berkaitan dengan istihsan¹⁴ pula, mazhab Syafi’i menolaknya sebagai metod istinbat hukum kerana berdasarkan firman Allah:¹⁵

أَيَحْسَبُ الْإِنْسَانُ أَنْ يُتْرَكَ سُدًى

Maksudnya : Patutkah manusia menyangka, bahawa dia akan ditinggalkan terbiar.

¹³ Muhammad Bin Idrīs al-Syafi’i, (1393) *al-Umm*, Juz 1, Dar Ma’rifah, Beirut, h. 65.

¹⁴ Istihsan ialah beranggapan baik atau mencari yang baik. Rujuk, *Ibid*, Juz 7. h. 300.

¹⁵ Al-Qiyamah : 36.

Menurut mazhab Syafi'i, maksud 'suda' pada ayat diatas ialah keadaan tidak terikat dengan perintah dan larangan Allah.¹⁶ Oleh yang demikian, pengambilan hukum menurut mazhab Syafi'i adalah lebih berhati-hati tanpa sewenang-wenangnya menggunakan metod penentuah hukum yang longgar. Namun, perkara ini tidak menafikan metod yang digunakan oleh mazhab yang lain. Perbezaan pandangan hanya wujud dalam mendefinisikan maksud istihsan sahaja.

3.4 STATUS MAKANAN HALAL DALAM ISLAM

Al-Qur'an telah menjelaskan secara terperinci perkara-perkara melibatkan makanan dan minuman yang dikatogerikan haram. Perkara ini disebut dalam surah *al-Māidah* 5 : 3 seperti berikut:¹⁷

“Diharamkan kepada kamu bangkai, dan darah, dan daging babi, dan binatang-binatang yang disembelih kerana yang lain dari Allah, dan mati tercekik, mati dipukul, dan mati jatuh dari tempat tinggi, dan mati ditanduk, dan mati dimakan binatang buas kecuali yang sempat kamu sembelih, dan disembelih atas nama berhala...”

Oleh yang demikian, jelas bahawa perkara yang diharamkan ada dalil yang menunjukkan status pengharamannya dan manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi ini wajib untuk menuruti segala perintah yang Allah telah nyatakan. Sesungguhnya tiada apa yang di perintahkan oleh Allah adalah sesuatu yang sia-sia, justeru setiap larangan ada kebaikan di sebaliknya.

Menurut pandangan mazhab Syafi'i, penanda aras kepada makanan ahli kitab ialah merujuk kepada nas al-Qur'an, maka hukumnya adalah halal.¹⁸ Namun ia perlu

¹⁶ Muhammad Bin Idrīs al-Syafi'i, *Op.Cit.* h. 300.

¹⁷ Al-Māidah 5: 3. Rujuk juga ayat 90.

merujuk kepada beberapa syarat yang dibahaskan oleh ahli mufassirun dalam menentukan kehalalan tersebut. Syarat sembelihan binatang yang halal adalah seperti berikut;¹⁹

- i. Ahli Kitab tersebut hendaklah penganut agama Yahudi dan Nasrani yang asal.
- ii. Sembelihan hendaklah bertujuan semata-mata kerana Allah SWT.

Justeru, mazhab Syafi'i telah menggariskan syarat yang perlu diteliti agar umat Islam tidak keliru dengan perbezaan yang wujud dalam menentukan makanan yang halal dan yang haram. Walaupun begitu, sebenarnya mazhab Syafi'i tidak mewajibkan bacaan *Basmallah* ketika penyembelihan dilakukan oleh umat Islam, namun ia menjadi haram jika sembelihan tersebut dilakukan selain daripada Allah SWT.

3.4.1 Haiwan yang Dibenarkan

Makanan terdiri dari dua macam iaitu makanan *ḥaiwanī* dan *nabā'ī*. Makanan *nabati* adalah seperti tumbuh-tumbuhan, buah-buahan, makanan-makanan yang beku dan berbentuk cecair. Bagi jenis makanan seumpama ini, para ulama sepakat membenarkannya selama tidak najis atau tidak mendatangkan bahaya.²⁰

Ḥaiwanī terbahagi kepada haiwan darat dan haiwan laut. Haiwan darat adalah haiwan yang hanya dapat hidup di atas darat dan haiwan laut pula adalah haiwan yang hanya dapat hidup di air, baik haiwan yang hidup di dalam air tawar mahupun di dalam air masin.

¹⁸ Muhammad Bin Idrīs al-Syafi'i, (1393) *al-Umm*, Juz 2, Dar Ma'rifah, Beirut, h. 231.

¹⁹ *Ibid.*

²⁰ al-Sayyid Sābiq, (1985) *Fiqh al-Sunnah*, al-Mujallid al-Thāni, Dār al-Kutub al-Arabi, Beirut, h. 267.

3.4.1.1 Haiwan Darat

Hukum asal bagi haiwan darat adalah ianya dibolehkan selama tidak ada dalil yang mengharamkannya. Kata *an'ām* merupakan kata jama' dari kalimah *na'am* iaitu unta, sapi, kerbau dan kambing.²¹ Menurut ijmak, asal hukum semua haiwan ini adalah halal berdasarkan firman Allah s.w.t.²²

اللَّهُ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَنْعَامَ لِتَرْكَبُوا مِنْهَا وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ

Maksudnya : “Allah yang menjadikan binatang ternak bagi kamu; sebahagian di antaranya untuk kamu menunggangnya, dan sebahagian lagi untuk kamu makan.”

أُحِلَّتْ لَكُم بَهِيمَةُ الْأَنْعَامِ إِلَّا مَا يُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ غَيْرِ مُحِلِّي الصَّيْدِ وَأَنْتُمْ حُرْمٌ

Maksudnya :”Dihalalkan bagi kamu (memakan) binatang-binatang ternak (dan sebagainya), kecuali apa yang akan dibacakan (tentang haramnya) kepada kamu.”²³

Semua ayat ini membuktikan bahawa sesungguhnya Islam membenarkan mengambil manfaat daripada haiwan ternakan dengan mengambil dagingnya, meminum air susunya, menggunakan kulit atau bulunya dan menunggangnya. Hadis Nabi Muhammad SAW telah menyebutkan :

“Daripada Ibn Umar berkata Rasulullah SAW melarang daripada memakan binatang yang suka makan kotoran dan keturunannya.”²⁴

Manakala hukum haram anjing adalah tetap berdasarkan dalil pada hadis yang disandarkan kepada Rasulullah SAW daripada Rāfi' Bin Khādir²⁵ yang menyatakan

²¹ 'Ayid, Ahmad al- et al. (t.t.), *Op. Cit.* h. 371.

²² Al- Ghāfir 40 : 79

²³ Al- Mā'idah 5 :1

²⁴ Al-Thirmidhī, (t.t) *Sunan al-Thirmidhī*, Juz' al-Thālith, al-Maktabah al-Salafiyyah, Madinah h. 175.

²⁵ Al-Thirmidhī, (t.t) *Op, Cit.* h.. 565.

bahawa haiwan anjing adalah kotor. Daging babi haram dimakan walaupun ia disembelih secara syarak kerana dihukum sebagai najis 'ain' melalui nas al-Qur'ān maka dengan itu daging dan kesemua sekali bahagian badannya seperti bulu, tulang dan kulit dihukum najis biarpun disamak kulitnya.

Ciri-ciri binatang yang halal mestilah hidup pada satu tempat secara tabi'i dan bukan binatang dua alam iaitu yang hidup di darat dan di dalam air seperti kura-kura, katak, penyu dan sebagainya. Menurut Ibnu al-Ārabī haiwan dua alam haram dimakan kerana berselisih pada dua dalil iaitu dalil yang menghalalkan dan yang mengharamkannya, akan tetapi dalil yang mengharamkannya adalah lebih jelas dan kukuh.²⁶

Haiwan yang boleh dimakan juga mestilah bukan terdiri daripada binatang yang menangkap haiwan lain atau buas seperti singa, serigala, harimau dan sebagainya. Dalil yang mengharamkan makanan ini ialah daripada hadis yang disebutkan oleh Abū Hurayrah r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda,²⁷ :

“Sesungguhnya Rasulullah SAW melarang memakan semua binatang buas bertaring dan setiap yang mencengkam dengan kuku daripada burung dan daging keldai kampung.”

Binatang yang melata atau serangga yang kecil haram dimakan seperti ular, tikus, semut dan seumpamanya.²⁸ Begitu juga binatang yang lahir daripada benih kacukan iaitu bintang yang halal dan yang haram, hukumnya haram dimakan contohnya

²⁶ al-Sayyid Sabiq, (1985) *Fiqh al-Sunnah*, al-Mujallid al-Thāni, Dār al-Kutub al-Arabi, Beirut, h. 271.

²⁷ Al-Thirmidhī, (t.t.) *Sunan al-Thirmidhī*, al-Juz' al-Rābi', Maktabah al-Salafiyah, Madinah. h. 71.

²⁸ Al-Jazayri, (t.t.) *Kitab Al-Fiqh Ala Al-Mazāhib al-Arbāah*, al-Mujallid al-Thāni, Dār al-Ihya' al-Turath al-Arabi, Beirut h. 3.

lembu yang lahir daripada baka kacukan lembu dan babi, maka hukumnya jelas haram.²⁹

Berdasarkan perbincangan di atas, maka jelaslah bahawa makanan yang baik, lazat, bersih dan tidak memudaratkan serta dapat memberi manfaat kepada tubuh badan manusia adalah makanan yang halal. Kebaikan makanan yang halal adalah meliputi seluruh tubuh badan manusia termasuk mental, fizikal dan kejiwaan. Perkara yang paling penting adalah makan halal merupakan makanan yang memenuhi tuntutan syarak.

3.4.1.1.1 Penyembelihan Haiwan Darat

Penghalalan haiwan darat ini tertakluk kepada syarat penyembelihan. Penyembelihan merupakan aspek utama dalam menentukan status hukum binatang yang dimakan, oleh yang demikian, umat Islam menitik beratkan permasalahan binatang yang tidak disembelih menurut syariat Islam. Sebagaimana firman Allah³⁰ yang berbunyi:

فَكُلُوا مِمَّا ذُكِرَ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ إِنْ كُنْتُمْ بِآيَاتِهِ مُؤْمِنِينَ

“Maka makanlah dari (sembelihan binatang-binatang yang halal) yang disebut nama Allah ketika menyembelihnya, jika benar kamu beriman dengan ayat-ayatNya”

Haiwan halal yang boleh dimakan dagingnya, namun tidak halal dimakan kecuali dengan penyembelihan yang ditetapkan oleh syarak atau dengan cara yang seumpama dengannya. Penyembelihan dilakukan kepada haiwan selain daripada belalang dan ikan. Penyembelihan mempunyai syarat-syarat yang tertentu. Dan syarat-

²⁹ Al-Zāhili, Muhammad, Dr.(1992) *al-Muhadhib fī Fiqh al-Imam al-Syafi lil Abī Isḥāq al-Shirazi*, al-Juz al-Thāni, Dār al-Qalam wa al-Dār al-Shamiyah, Beirut, h. 873. Lihat juga Al-Zuhailī, (1984) *Al-Fiqh al-Islāmī Wa 'Adillatuh*, al-Juz al-Thāliith, Dār al-Fikr, h. 507.

³⁰ Al-An'ām, 6; 118.

syarat ini terpakai kepada haiwan-haiwan dalam kategori *maqdūr ‘alayh* (haiwan yang boleh disembelih lehernya). Manakala haiwan *ghayr maqdūr ‘alayh* (haiwan yang tidak dapat disembelih lehernya) kerana tidak dapat dijinakkan, halal dengan cara dilukai mana-mana bahagian tubuhnya dengan beberapa syarat yang tertentu.

Haiwan yang tidak disembelih dikira sebagai bangkai. Menurut pendapat Sayyid Sābiq, apa yang dipotong daripada binatang hidup juga dinamakan bangkai berdasarkan hadis Abū Waqīd al-Laitsī³¹:

“Apa yang dipotong daripada binatang ternak, sedang ia masih hidup adalah bangkai”

Darah di dalam anggota haiwan yang telah mati mengandungi kuman seperti ‘*Anthrax Bacillus*’ dan juga ‘*Brucellosis*’ yang menyebabkan penyakit kulit. Oleh yang demikian tujuan penyembelihan binatang adalah untuk memaksimumkan pendarahan binatang supaya darah dapat dikeluarkan dari tubuh haiwan yang hendak dimakan. Hikmah pensyariatannya adalah untuk membezakan daging yang halal dimakan dan daging yang haram dimakan, kerana makanan yang haram dimakan akan menyebabkan akhlak pemakannya menjadi rosak, jiwanya menjadi jahat, hati menjadi gelap, buruk tingkahlaku, segala amalnya cacat dan usahanya untuk dunia tidak baik akibatnya dan balasannya di akhirat adalah neraka jahanam dan neraka jahanam adalah seburuk-buruk tempat di akhirat. Rukun sembelihan adalah seperti berikut :³²

- i. Penyembelih
- ii. Binatang yang disembelih.
- iii. Alat Penyembelihan

³¹ Al-Thirmidhī, (1965) *Op. Cit.* h. 74.

³² Yusūf al-Qaraḍawī (1985), *Op. Cit.* h.143.

Syarat bagi penyembelih mestilah beragama Islam atau Ahli Kitab. Penyembelih juga merupakan orang yang sudah baligh dan tidak sah bagi kanak-kanak. Tidak sah sembelihan bagi orang yang gila. Binatang yang disembelih juga, merupakan binatang yang halal dimakan dan binatang tersebut mestilah masih hidup. Alat sembelihan pula hendaklah tajam bagi mempercepatkan dan mempermudah sembelihan untuk mati.³³

Menyebut nama Allah ketika menyembelih merupakan salah satu dari syarat sembelihan mengikut syari'at Islam, sebagaimana firman Allah SWT di dalam al-Qur'an: *Dan janganlah kamu makan dari (sembelihan binatang-binatang halal) yang tidak disebut nama Allah ketika menyembelihnya.*³⁴ Walaubagaimanapun, menyebut nama Allah ketika menyembelih tidak menjadi syarat bagi menghalalkan sembelihan yang dilakukan oleh kaum Ahli Kitab. Ini adalah kerana ayat yang menghalalkan sembelihan kaum Ahli Kitab diturunkan oleh Allah SWT selepas turunnya ayat-ayat yang memerintahkan agar sesuatu sembelihan itu perlu dibacakan *Basmalah*.³⁵

Oleh yang demikian, menyebut nama Allah ketika menyembelih adalah perkara yang sunat. Perbincangan tentang menyebut nama Allah ketika menyembelih merupakan perkara yang penting bagi menyatakan tujuan penyembelihan dilakukan. Pendapat mazhab Imam Syafi'i dan satu riwayat dari Malik mengatakan bahawa menyebut nama Allah adalah sunat. Menurut mereka, halal sembelihan secara mutlak samada disebut nama Allah dengan sengaja ataupun lupa. Akan tetapi menurut pendapat yang paling sahih, mereka mengatakan *makrūh li tanzīh* apabila tidak menyebut nama Allah dengan sengaja. Dalil dari al-Sunnah adalah hadis yang diriwayatkan dari *Said bin Mansūr* dari

³³ Yusūf al-Qaraḍawī (1985), *Op. Cit.* h.144.

³⁴ Al-An'ām 6 :121

³⁵ Ibn Kathīr, Abu al-Fidā' Ismā'īl bin Umar (2004), *Tafsīr al-Qur'ān al-Azīm*, Juz 3, Riyāḍ : Dār al-Salām, h. 30.

Rasyid bin Rabiah. Beliau menyatakan bahawa hadis Rasulullah SAW yang bemaksud:³⁶

Sembelihan orang Islam adalah halal jika tidak menyebut nama Allah dengan tidak sengaja.

Hadis ini benar-benar menunjukkan bahawa menyebut nama Allah bukanlah suatu syarat mengenai kehalalan sembelihan kerana jika demikian, Rasul SAW tidak akan menerangkan kepada mereka dalam memakan sembelihannya itu baginda SAW memberikan kemudahan kepada mereka untuk memakannya sekalipun masih diragukan mengenai penyebutan nama Allah ketika menyembelihnya. Baginda menyuruh mereka menyebut nama Allah (membaca basmalah) ketika hendak memakannya. Menurut ijmak ulama, menyebut nama Allah ketika hendak makan adalah disunatkan, dan ia tidak dapat menjadi pengganti menyebut nama Allah yang wajib. Oleh yang demikian, perkara ini menunjukkan bahawa menyebut nama Allah ketika menyembelih adalah disunatkan, di mana apabila ditinggalkan tidak akan mempengaruhi kehalalan sembelihannya walaupun peninggalan itu disengajakan.³⁷

Proses nyahpeka (*stunning*) juga dilakukan kepada binatang sembelihan bagi tujuan memudahkan proses penyembelihan dan mengurangkan rasa sakit binatang sembelihan.³⁸ Oleh yang demikian Kerajaan Malaysia hanya membenarkan tiga jenis *stunner* digunakan bagi proses penyembelihan binatang halal iaitu *electrical stunner*, *mechanical stunner* dan *pneumatic stunner* dengan syarat tidak menyebabkan kematian atau kecederaan kekal.³⁹

³⁶ Al-Thirmidhi, (1937) *Op. Cit.* h. 131.

³⁷ Yusūf al-Qaraḍawī (1985), *Op. Cit.* h.145.

³⁸ Mohammad Abd El-Aziz Lotfi (1997) *Halal and Food According to The Islamic Laws: A Practical Review and Guide*. Queensland; Australian Halal Food Services. h.14.

³⁹ JAKIM (2001), *General Guidelines on The Slaughtering of Animals and The Preparation and Handling of Halal Food*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. h. 11. Lihat juga *Keputusan Fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia* pada 24 November 1988. Lokman Adb Rahman (2002). *Penyembelihan Halal ; Hukum, Teknik dan Kawalan Bakteria*. Jabatan Agama Islam Melaka, h. 12.

3.4.1.2 Haiwan Laut

Haiwan buruan yang terdapat di dalam air seperti ikan, sotong, kerang dan sebagainya adalah halal dengan syarat ia tidak beracun, memudaratkan dan juga memabukkan.⁴⁰ Adapun asal hukum bagi haiwan laut adalah halal berdasarkan firman Allah yang berbunyi :

أُحِلَّ لَكُمْ صَيْدُ الْبَحْرِ وَطَعَامُهُ مَتَاعًا لَكُمْ وَلِلسَّيَّارَةِ وَحُرِّمَ عَلَيْكُمْ صَيْدُ الْبَرِّ مَا دُمْتُمْ حُرُمًا
وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ.

Maksudnya “Dihalalkan bagi kamu binatang buruan laut dan makanan yang didapati dari laut”⁴¹

Menurut riwayat al-Dāruqūṭnī maksud makanan berdasarkan ayat di atas adalah termasuk juga bangkai. Ini adalah berdasarkan hadis dari Abū Hurayrah r.a. ketika Rasulullah ditanya oleh seorang sahabat yang berlayar di laut dan di dalam perjalanan tersebut rombongannya telah menjumpai bangkai seekor ikan yang besar lalu mereka memakannya. Maka Rasulullah menjawab ‘ *Laut itu bersih dan halal bangkainya*’⁴². Sesungguhnya, para fuqaha telah sepakat menghalalkan sebahagian jenis haiwan laut seperti ikan. Haiwan yang hidup di laut ada dua jenis,⁴³ iaitu:

- a) Haiwan yang tidak dapat hidup kecuali di dalam air. Jika haiwan itu keluar dari air, hidupnya bagaikan haiwan yang disembelih.
- b) Haiwan yang dapat hidup di darat dan di laut, seperti anjing laut, kura-kura dan burung air.

⁴⁰ Sabiq, al-Sayyid, (1985) *Fiqh al-Sunnah*, al-Mujallid al-Thāni, Dār al-Kūtib al-Arābi, Beirut, h. 270.

⁴¹ Al-Māidah, 6: 98.

⁴² Al-Thīrmidhi, (1937) *Op. Cit.* h. 161.

⁴³ Abu Sari' Muhammad Abdul Hadi.(t.t) *Al Ath'imah Wadz Dzabā-ih Fil Fiqhil Islāmī* al-Hind : Qazi Publishers & Distributors. h. 91.

Ada beberapa pendapat para fuqaha mengenai haiwan laut dan bangkainya yang halal iaitu seperti pendapat mazhab Imam Malikī menghalalkan semua haiwan laut dan bangkainya, baik yang hanya dapat hidup di laut dan di darat. Mereka mengemukakan dalil dengan firman Allah SWT:⁴⁴

أُحِلَّ لَكُمْ صَيْدُ الْبَحْرِ وَطَعَامُهُ، مَتَنَعًا لَكُمْ وَلِلسَّيَّارَةِ وَحُرِّمَ عَلَيْكُمْ صَيْدُ الْبَرِّ مَا
دُمْتُمْ حُرْمًا ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ﴿٦٦﴾

Maksudnya: “Dihalalkan bagimu binatang buruan laut dan makanan (yang berasal) dari laut”.

Dan sabda Nabi SAW Maksudnya: ⁴⁵

“Laut itu airnya menyucikan lagi halal bangkainya”.

Hadis ini dikeluarkan oleh Malik dan *Ashḥābus Sunan*. Dan juga sabda Nabi SAW:

أُحِلَّتْ لَنَا مِيتَانِ وَدَمَانِ : السَّمَكُ وَالْجُرَادُ ، وَالْكَبِدُ وَالطَّحَالُ .

Maksudnya: “Dihalalkan bagi kita dua bangkai dan dua darah, iaitu ikan, belalang, hati dan limpa”.⁴⁶

Dalil-dalil ini menerangkan halalnya semua haiwan laut tanpa ada perbezaan antara yang hanya dapat hidup di laut dan yang dapat hidup di laut dan di darat. Hadis kedua pun menunjukkan bahawa halal semua daging bangkai haiwan laut, sekalipun dapat hidup di laut dan di darat. Seandainya sebahagian haiwan laut itu halal dan sebahagian lainnya haram atau terdapat perbezaan antara yang hanya dapat hidup di laut dengan yang dapat hidup di laut dan di darat, pastinya Rasulullah membahaskan perkara tersebut. Demikian pula tidak ada perbezaan antara haiwan yang terdampar kerana gelombang laut kerana air surut atau yang terapung dipermukaan laut.⁴⁷

⁴⁴Al-Mā'idah 5: 96.

⁴⁵ al-Sayyid Sābiq, (1985) *Op.Cit.* h. 271.

⁴⁶ Aḥmad Bin Alī Bin Ḥajar al-Asqalānī, (1986) *Fatḥu al-Bāri Ṣyarah Saḥīḥ al-Bukḥary*, Juz 2, Dār Rayyan lil Thūrath. h. 78.

⁴⁷ Abu Sari' Muhammad Abdul Hadi.(t.t) *Op. Cit.* h. 98.

Menurut pandangan yang masyhur dari pendapat mazhab Syafi'i menghalalkan semua haiwan laut dan bangkainya, kecuali katak dan sebahagian dari mereka mengharamkan buaya.⁴⁸ Mereka mengemukakan dalil dengan dalil-dalil yang telah dikemukakan oleh pendapat pertama dan kedua. Selain itu, mereka mengatakan, "Sesungguhnya, katak dilarang dibunuh", sebagaimana yang telah dikemukakan sehingga tidak halal dimakan".⁴⁹

3.4.2 Darah

Hadis yang menyatakan kebenaran memakan darah yang tidak mengalir, iaitu: "Dihalalkan bagi kita dua jenis bangkai dan dua jenis darah, iaitu ikan, belalang, hati dan limpa"⁵⁰ mazhab Hanafi mengatakan, "Darah ikan itu suci kerana bukan darah yang sebenarnya. Jika ia kering, darahnya menjadi putih. Atas dasar inilah udang, ikan, dan sotong adalah halal. Adapun darah yang haram iaitu apabila kering ia menjadi hitam".⁵¹

Menurut pandangan *Yusuf al-Qaradawi* di dalam bukunya *Hāl al-Islām*, manusia tidak menerima darah sebagai makanan kerana ia kotor serta perbuatan itu merupakan amalan Arab Jahiliyah. Jika mereka lapar, mereka akan menusuk sesuatu yang tajam kepada unta atau binatang lain. Darah yang mengalir dari binatang tersebut dikumpulkan dan diminum. Oleh yang demikian, amalan tersebut akan menyakitkan dan melemahkan haiwan, maka Allah telah mengharamkan manusia memakan darah.⁵²

⁴⁸ Al-Zahilī, Muhammad, Dr.(1992) *Op. Cit.* h. 866.

⁴⁹ *Ibid.* h. 866.

⁵⁰ Ahmad Bin Alī Bin Hajar al-Asqalānī, (1986) *Op. Cit.* h.78.

⁵¹ Al-Zahilī, Muhammad, Dr.(1992) *Op. Cit.* h. 50.

⁵² Yusuf al-Qaradāwī (1985), *Op.Cit.* h. 57.

Berdasarkan kajian para saintis yang pakar di dalam kajian bakteria, darah merupakan medium pembiakan kuman dan bakteria. Jika manusia memakan darah, maka kuman di dalam darah akan menjangkiti tubuh manusia dan kemudiannya akan menyebabkan manusia hilang deria rasa dan penglihatan menjadi kabur.⁵³

3.4.3 Gelatin

Gelatin kebiasaannya digunakan dalam pembuatan makanan seperti jeli, ais krim, kek dan bahu. Ia juga digunakan dalam penghasilan bukan makanan seperti produk kecantikan dan perubatan.⁵⁴ Gelatin boleh terdapat dalam dua status samada halal dan haram. Kebiasaannya, sumber gelatin diperolehi daripada kulit babi, anak lembu dan tulang lembu, malahan terdapat juga sumber daripada ikan dan kulit binatang ternakan tetapi jumlahnya amat sedikit.⁵⁵

Lazimnya, label produk yang menggunakan gelatin tidak menyatakan sumber yang digunakan.⁵⁶ Gelatin yang diperbuat daripada ikan jelas halal kecuali ia tercemar dengan sumber yang haram seperti kulit babi dan binatang yang tidak disembelih mengikut syarak. Namun penggunaan gelatin berasaskan bahan-bahan daripada sumber binatang menimbulkan keraguan status kehalalannya.⁵⁷

⁵³ Muhammad Kamal Abd. Aziz, (1995) *Halal dan Haram Dari Pandangan Al-Quran dan Sains*, Al-Masyhur Sdn. Bhd. Bismi Publishers, Johor, , h. 26-27.

⁵⁴ Mian N. Riaz & Muhammad M. Chaundry, (2001) *Halal Food Production*, CRC Press. h. 95.

⁵⁵ Menurut Abu Bakar Haji Hussin, gelatin tidak boleh diperolehi daripada bahan tumbuhan. Agar dan *Carrageenan* dan *alginate* adalah hasil yang diperolehi daripada rumpai laut dan ianya dalam bentuk asli tidak mengandungi gelatine. Walaubagaimanapun ia boleh digunakan sebagai pengganti gelatin oleh kerana ia juga adalah penstabil. Lihat Abu Bakar Haji Hussin (t.t.), "Isu Halal Haram Dalam Makanan di Malaysia dan Masalah pengesananannya" (Kertas kerja Laporan Penyelidikan Makanan, Minuman dan lain-lain Barang Gunaan orang Islam, pusat Penyelidikan Islam, BAHEIS, JPM) h.. 5.

⁵⁶ Mian N. Riaz & Muhammad M. Chaundry, (2001) *Halal Food Production*, CRC Press. h. 95.

⁵⁷ Menurut Prof. Dr. Yaakob Che Man, Gelatin adalah bahan sampingan daripada haiwan yang dihasilkan melalui proses hidrolisis separa tisu kolegen daripada berbagai organ dalaman haiwan termasuk kulit babi, kulit binatang ternakan, tulang binatang ternakan, kulit ikan, kulit ayam, itik dan sebagainya. Kebanyakan gelatin terdiri daripada dua jenis iaitu jenis A yang diperolehi sepenuhnya daripada kulit / daging babi dan jenis B yang diperolehi daripada kulit anak lembu atau binatang ternakan lain yang dinyah mineralkan. Lihat Yaakob Che Man, Prof. Dr. (2005) "*Analisis Makanan Halal*" (Kertas kerja Kursus Kearah Penghasilan Makanan Halal, MARDI, Serdang, 21-23 Mac 2005.). h. 45.

2.5.4 Minuman Alkohol

Sejarah pengharaman minuman yang memabukkan di dalam islam mempunyai tiga peringkat. Peringkat pertama pengharaman arak hanya menjelaskan kebaikan dan kebukan arak kepada umat islam pada ketika itu, sebagaimana penjelasan ayat al-Qur'an dalam surah al-Baqarah ayat 219 yang berbunyi:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ قُلْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنَافِعُ لِلنَّاسِ وَإِثْمُهُمَا أَكْبَرُ مِنْ نَّفْعِهِمَا وَيَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنْفِقُونَ قُلِ الْعَفْوَ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ الْآيَاتِ لَعَلَّكُمْ تَتَفَكَّرُونَ.

Mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad) mengenai arak dan judi. Katakanlah: Pada keduanya ada dosa besar dan ada pula beberapa manfaat bagi manusia tetapi dosa keduanya lebih besar daripada manfaatnya.⁵⁸

Kemudian, pada peringkat kedua, diturunkan ayat berikutnya :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَقْرَبُوا الصَّلَاةَ وَأَنْتُمْ سُكَارَى حَتَّى تَعْلَمُوا مَا تَقُولُونَ.

Maksudnya: Janganlah kamu hampiri sembahyang (mengerjakannya) sedang kamu dalam keadaan mabuk kecuali kamu telah mengetahui apa-apa yang kamu katakan.⁵⁹

Pada peringkat ketiga, *al-khāmr* itu diharamkan berdasarkan al-Qur'an, al-Sunnah dan ijmak. Arak adalah minuman yang diharamkan berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 90 yang berbunyi;

⁵⁸ Al-Baqarah 2 : 219.

⁵⁹ Al-Nisā' 4:43.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ
فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ . إِنَّمَا يُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُوقِعَ بَيْنَكُمُ الْعَدَاوَةَ وَالْبَغْضَاءَ فِي
الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ وَيَصُدَّكُمْ عَن ذِكْرِ اللَّهِ وَعَنِ الصَّلَاةِ فَهَلْ أَنْتُمْ مُنْتَهُونَ .

Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya. Sesungguhnya Syaitan itu hanyalah bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab arak dan judi, dan mahu memalingkan kamu daripada mengingat Allah dan daripada mengerjakan sembahyang. Oleh itu, mahukah kamu berhenti (daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan kotor itu atau kamu masih berdegil)?⁶⁰

Ayat ini menunjukkan bahawa Allah SWT benar-benar memerintahkan kita untuk menjauhi *al-khamr* kerana ia kotor dan mengandungi bahaya (mudarat)⁶¹, iaitu kerugian dunia dan akhirat. Diriwayatkan dari Aisyah r.a. bahawa Rasulullah SAW telah ditanya tentang sejenis minuman keras yang diperbuat dari madu dan penduduk Yaman meminumnya. Rasulullah SAW bersabda yang diriwayatkan oleh Nafiq daripada Ibn Umar,⁶² maksudnya : Setiap yang memabukkan adalah arak, dan setiap yang memabukkan adalah haram (*Muttafaq Alaih*).

Hal ini menunjukkan bahawa *al-khamr* mutlak diharamkan, termasuk semua minuman yang memabukkan bila banyak diminum, maka sedikit dan banyak minuman tersebut adalah haram.

⁶⁰ al-Mā'idah 5 : 90-91.

⁶¹ Mustafa al-Khin et. al. (1995) *al-Fiqh al-Manhājī Ala Madzhab al-Imām al-Shāfi'i*, al-Mujallid al-Awwal, Dār al-Ulum al-Insaniyyah, Dimashq, h. 504-505.

⁶² Al-Thirmidhi, (t.t) *Op. Cit.* h. 192.

3.4.5 Susu, Enzim dan Keju.

Para fuqaha sepakat mengatakan bahawa susu haiwan yang hidup itu mengikut status jenis haiwan itu sendiri dari segi halal, makruh atau haram sepertimana yang ditetapkan Islam. Antara contoh haiwan yang dikategorikan sebagai haiwan ternakan dan halal untuk dimakan adalah seperti lembu, kerbau, unta, kambing; ini bererti susu hasil daripada haiwan-haiwan tersebut adalah halal untuk diminum dan digunakan bagi tujuan pembuatan makanan lain. Oleh yang demikian, haiwan yang diharamkan memberi maksud bahawa susunya juga adalah haram diminum dan juga haram untuk tujuan lain.

Pendapat fuqaha yang menyatakan keju yang dibuat oleh Majusi adalah halal adalah pendapat yang rajih, iaitu perut lembu dari bangkai adalah suci, maka keju yang dibekukan dengan perut lembu tersebut adalah halal. Hal itu kerana ketika para sahabat meraikan penduduk Iraq, mereka memakan keju yang dibuat oleh Majusi dan ini telah menjadi kebiasaan di antara mereka. Oleh yang demikian, pendapat yang mengatakan halal keju yang dibuat secara moden selama dalam pembuatannya tidak dicampur dengan benda yang diharamkan seperti lemak babi.

Penggunaan enzim digunakan untuk menghasilkan keju dan juga kek. Ia juga digunakan bagi menghasilkan gula dan memproses kanji. Fungsi enzim dalam teknologi makanan adalah sebagai bahan penggalak dalam tindak balas pemprosesan makanan. Teknologi masakini dapat menghasilkan enzim daripada industri mikrob enzim. Bioengineering enzim ini lebih mudah untuk dihasilkan dan menentukan status halal bahan tersebut berbanding penggunaan enzim daripada sumber haiwan.⁶³ Keju yang

⁶³ Mian N. Riaz & Muhammad M. Chaundry, (2001) *Halal Food Production*, CRC Press. h. 95.

dihasikan daripada sumber yang haram adalah haram untuk dimakan. Pengguna Muslim hanya akan menerima penghasilan keju daripada binatang yang halal dan disembelih, sahaja dan yang menggunakan kultur bakteria ini.

Shortening atau lelemak sering digunakan dalam pembuatan makanan seperti kuih-muih biskut, gula-gula dan sebagainya.⁶⁴ Tujuan penggunaan lelemak ini adalah untuk merencatkan kek dan roti daripada menjadi keras, meningkatkan isipadu kek dan roti, menguatkan adunan serta menjadikan makanan rangup dan garing.⁶⁵ Sumber lelemak boleh diperolehi daripada lemak haiwan atau lemak tumbuh-tumbuhan. Antara sumber lemak haiwan adalah lemak babi (*lard*), lemak lembu dan kambing dan seumpamanya. Manakala sumber bagi lemak tumbuhan ialah minyak jagung, minyak kacang soya dan sebagainya.

Menurut Ahmad Sakr yang merupakan pengerusi *Islamic Center* di Beirut, pengguna Muslim perlu berhati-hati terhadap barangan makanan yang menggunakan *shortening* samaada daripada lemak haiwan mahupun tumbuhan, kerana walaupun lemak tumbuhan dilabelkan pada sesuatu barangan makanan, kebiasaannya 10-20 peratus minyak haiwan dicampurkan juga dalam minyak tumbuhan atau sayuran tersebut.⁶⁶

⁶⁴ Ahmad H. Sakr(1993), *A Muslim Guide to Food Ingredients*. USA; Foundation for Islamic Knowledge, edisi ke-6, h. 132-133.

⁶⁵ Shafie Embong (1985), "*Makanan yang Diproses Masa Kini: Tinjauan Dari Perspektif Islam*" (Seminar Makanan dan Pemakanan, anjuran BHEW, PMUKM dan PMSUKM, 25-27 Januari 1985) h. 16.

⁶⁶ Ahmad H. Sakr(1993), *Op. Cit.*, h. 133. Menurut Prof. Dr. Yaakob Che Man, disesetengah negara, pengeluar makanan memilih bagi mencampurkan minyak sayuran dengan lemak babi untuk menghasilkan lelemak, margerin dan makanan berlemak lain. Lihat Che Man, Prof. Dr. (2005) "Analisis makanan Halal" *Op. Cit.* h. 6. ; Lihat juga Y.B. Che Man et. al. (2004), "*Analysis of Potential Lard Adulteration in chocolate and Chocolate Products Using Fourier Transform Infrared Spectroscopy*", Food Chemistry, Elsevier Ltd. ; Dikebanyakan negara, pengilang memilih untuk menggunakan lemak babi kerana harganya lebih murah dan mudah diperolehi. Lihat A.A. Aida et al. (2004), "*Analysis of raw Meats and Fat of Pigs Using Polymerase Chain Reaction for Halal Authentication*" Meat Science, Elsevier Ltd. h. 76.

3.4.6 Pemprosesan Dan Penyediaan Makanan

Penyediaan makanan halal hendaklah suci daripada perkara yang haram seperti peralatan memasak dan proses penyediaan makanan. Penggunaan berus daripada bulu babi adalah haram bagi tujuan pemprosesan makanan halal.

Penggunaan peralatan memasak dan pinggan mangkuk yang digunakan untuk menghidangkan makanan yang haram seperti babi dan anjing boleh digunakan untuk makanan halal dengan syarat peralatan tersebut hendaklah dibersihkan terlebih dahulu. Penyucian peralatan tersebut hendaklah menggunakan kaedah mensucikan najis *mughallaẓāh*. Kaedah mensucikan najis *mughallaẓāh* adalah dengan menggunakan tujuh kali air mutlak dan salah satu daripadanya bercampur dengan tanah. Kaedah tersebut diterima berdasarkan daripada sabda Rasulullah SAW iaitu:

عن أبي هريرة قال : قال رسولُ الله صلى اللهُ عليه وسلّمَ : طَهُورُ إِنَاءِ أَحَدِكُمْ ، إِذَا وَلَغَ فِيهِ الْكَلْبُ ، أَنْ يَغْسِلَهُ سَبْعَ مَرَّاتٍ ، أَوْ لَاهُنَّ بِالتُّرَابِ .

Maksudnya:

“Dari Abu Hurairah, ia berkata: “Rasulullah SAW pernah bersabda: Sucinya bekas salah seorang di antara kamu, jika ada anjing minum di dalamnya, hendaklah membasuhnya tujuh kali, salah satunya dengan tanah”⁶⁷.

⁶⁷ Muhyiddīn Abū Zakaria Yahya bin Sharaf an-Nawāwī al-Shāfi'i, *Ṣyarah Sahih Muslim*, Jilid. 3, Dār al-Qālam, Beirut, Lubnan, t.t, h. 186 ; Lihat juga, K.H Adib Bisri Musthofa, *Terjemah Shahih Muslim*, Jilid.1, Victory Agencie, Kuala Lumpur, 1994, h. 381.

3.4.7 Makanan Bijirin

Bijirin merupakan makanan asasi bagi sesebuah negara. Semua jenis bijirin adalah halal bagi umat Islam kecuali yang berubah menjadi arak seperti anggur kerana ia boleh memabukkan.⁶⁸ Firman Allah dalam al-Qur'ān yang menghalalkan segala bijirin adalah berdasarkan ayat berikut:⁶⁹

فَأَنْبَتْنَا فِيهَا حَبًّا . وَعِنَبًا وَقَضْبًا . وَزَيْتُونًا وَنَخْلًا . وَحَدَائِقَ غُلْبًا . وَفَاكِهَةً وَأَبًّا . مَتَاعًا
لَكُمْ وَلِأَنْعَامِكُمْ .

Lalu Kami tumbuhkan pada bumi biji-bijian, (27) Dan buah anggur serta sayur-sayuran, (28) Dan zaitun serta pohon-pohon kurma, (29) Dan taman-taman yang menghijau subur, (30) Dan berbagai buah-buahan serta bermacam-macam rumput; (31) Untuk kegunaan kamu dan binatang-binatang ternak kamu. (32)

Berdasarkan ayat di atas, jelas menyatakan bahawa Allah telah menyediakan makanan dari bijirin dan tumbuhan untuk kegunaan manusia dan binatang. Terdapat beberapa permasalahan berkaitan bijirin terutamanya makanan bijirin dan asasi yang diperam seperti tapai pulut dan ubi bagi makanan orang Melayu kerana makanan tersebut mengandungi alkohol.⁷⁰ Tapai yang disimpan selama 2-4 hari adalah halal dimakan dan tidak memabukkan. Namun tapai yang dibiarkan pada suhu bilik melebihi lima atau enam hari adalah haram untuk dimakan dan memabukkan. Jika ia disimpan di dalam peti ais selama seminggu, maka ia tidak haram kerana proses penapaian menjadi perlahan kerana suhunya yang rendah.⁷¹

⁶⁸ Yusuf al-Qaraḍawī (1985), *Op. Cit.* h. 65.

⁶⁹ Abasa 80: 27-32.

⁷⁰ Tapai pada usia 2 atau 3 hari ini adalah halal kerana ia bukan sesuatu yang memabukkan. Kalau minum atau makan tapai dengan kuantiti banyak pun memang ia tidak memabukkan. Tapai pada usia ini iaitu 2 atau 3 hari hanya mengandungi sedikit kandungan alkohol etanol. Rujuk : <http://syedkhalil.com/952/tapai-dan-arak/> 3 Julai 2010, Nama beliau ialah Syed Khalil Al-Yahya merupakan bekas pelajar Institut Teknologi MARA.

⁷¹ Syed Khalil Al-Yahya, *Op. Cit.* 3 Julai 2010.

Oleh yang demikian, tapai yang disimpan juga mestilah bukan bertujuan untuk dijadikan minuman tetapi bagi tujuan memakan tapai tersebut. Perkara ini bertepatan dengan Muzakarah Fatwa Kebangsaan pada tahun 1984⁷² telah memutuskan bahawa tapai adalah halal dimakan dengan beberapa syarat yang telah ditetapkan.

3.5 HUBUNGAN AKIDAH DAN PERINTAH HALAL

Perintah Allah SWT di dalam al-Qur'ān merupakan perintah yang wajib diimani dan dipatuhi. Setiap perintah mempunyai hikmah yang telah ditetapkan. Allah kurniakan kepada manusia sebagai hambaNya segala perkara yang baik kerana Allah yang menjadikan manusia di bumi sebagai tempat persinggahan untuk terus kekal hidup di akhirat. Islam merupakan agama yang fitrah, selamat, sempurna dan sejahtera untuk setiap insan. Segala perintah yang disampaikan merupakan kebaikan untuk kehidupan manusia semasa berada di dunia ini. Kepatuhan dan penyerahan hanya semata-mata kerana Allah SWT atas segala perintah yang diturunkan, nescaya Allah akan mengurniakan dan menganugerahkan balasan nikmat yang terbesar iaitu syurga.

Matlamat utama manusia makan adalah untuk melaksanakan ibadah kerana Allah semata-mata. Menurut Imam al-Ghazali, setiap pemakanan hendaklah disertai dengan niat untuk beribadah keranaNya, supaya dengan makanan yang dimakan dapat mendekatkan diri kepada Allah.⁷³ Perkara ini bertepatan dengan perintah Allah di dalam Al-Qur'ān, Surah *al-Mū'minūn* yang berbunyi:⁷⁴

يَا أَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا إِنِّي بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ.

⁷² Majlis Fatwa telah mengambil keputusan tentang alkohol pada perenggan ke empat dan kelima iaitu: Tapai halal dimakan dan Alkohol yang terjadi secara sampingan dalam proses pembuatan makanan tidak najis dan boleh dimakan. Rujuk : *Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan* yang diadakan di Ipoh pada 11-14 April, 1984. h. 213.

⁷³ Al-Ghazālī, (1990) *Ihyā' Ulum al-Dīn*. Jilid 2, Muassasah Al-Kutub Al-Tasaqafiyah, Beirut. h. 132.

⁷⁴ Al-Mū'minūn 23:51

Wahai para rasul, makanlah dari makanan yang yang baik-baik, dan kerjakanlah amal soleh.

Oleh yang demikian, segala yang Allah larang di atas muka bumi adalah bertujuan untuk menguji golongan hamba yang beriman dan juga sebaliknya. Bagi orang yang beriman Allah akan ganjarkan pelbagai nikmat yang tidak tergambar oleh manusia dan juga memberikan perkara yang dilarang oleh Allah semasa manusia berada di dunia. Perkara ini betepatan dengan firman Allah di dalam surah Al-‘Ankabut yang berbunyi:⁷⁵

أَحْسِبَ النَّاسُ أَنْ يُتْرَكُوا أَنْ يَقُولُوا آمَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ وَلَقَدْ فَتَنَّا الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ فَلَيَعْلَمَنَّ
اللَّهُ الَّذِينَ صَدَقُوا وَلَيَعْلَمَنَّ الْكَاذِبِينَ.

Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: Kami beriman, sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)?. Dan demi sesungguhnya! Kami telah menguji orang-orang yang terdahulu daripada mereka, maka (dengan ujian yang demikian), nyata apa yang diketahui Allah tentang orang-orang yang sebenarnya beriman dan nyata pula apa yang diketahuiNya tentang orang-orang yang berdusta.

Justeru segala larangan telah ditetapkan oleh Allah amatlah sedikit jika kita bandingkan dengan segala yang telah dihalalkan olehNya. Namun begitu, Allah telah memberikan manusia akal untuk memilihnya, dan manusia juga mempunyai nafsu yang mendorongnya melakukan kejahatan. Perkara utama yang perlu dikalahkan oleh seseorang hamba ialah nafsu. Jihad yang terbesar di dalam diri seseorang hamba juga adalah jihad melawan hawa nafsu. Apabila hati dan roh menjadi suci dan murni, maka ia mampu untuk mengalahkan tarikan nafsu dan sifat-sifat yang buruk.

⁷⁵ Al-‘Ankabut 29: 2-3.

3.6 MAKANAN HARAM DALAM AGAMA ISLAM

‘Haram’ adalah berasal daripada perkataan Arab yang secara umumnya membawa maksud tidak dibenarkan atau dilarang. Perkataan lain bagi haram dalam bahasa Arab ialah ‘*maḥẓūr*’ yang bererti sesuatu yang dihalang, dilarang dan ia menandakan tegahan dan menekankan kesucian.⁷⁶ Dalam Islam, makanan atau barangan yang haram adalah yang dilarang untuk orang Islam memakannya atau menggunakannya. Menurut kamus ‘*al-Munjid fī al-Lughah*’ perkataan halal adalah lawan bagi perkataan haram.⁷⁷ Perkara-perkara haram telah jelas dinyatakan oleh al-Qur’ān, al-Sunnah dan hasil ijtihad ulama berdasarkan kefahaman mereka melalui dua nas tersebut. Sebagai panduan asas, kaedah fiqh juga telah menetapkan bahawa:

ما أدى الى الحرام فهو حرام.

Maksudnya :“Sesuatu yang hampir kepada haram, hukumnya adalah haram”⁷⁸

Kesemua sifat dan unsur perkara yang haram adalah mendatangkan keburukan dan kejian. Maka dengan jelas Allah mengharamkannya; “Dan Dia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik, dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk” (al-A’rāf:157).

Binatang yang diharamkan dalam agama Islam telah dinyatakan secara jelas dalam firman Allah SWT⁷⁹:

قُلْ لَا أُجِدُّ فِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَى طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ إِلَّا أَنْ يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا
مَسْفُوحًا أَوْ لَحْمَ خْتَرِيرٍ فَإِنَّهُ رِجْسٌ أَوْ فِسْقًا أُهِلَّ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ

⁷⁶ *Ensiklopedia Islam*, (t.p.), (1984) Jilid 4, Pusat Penyelidikan Ensiklopedia Malaysia, Kuala Lumpur h. 143.

⁷⁷ *Al-Munjid fī al-Lūghah* (t.p.), (1977) Jami’ al-Hukuk Mahfuzah. Dār al-Masyrik Beirut h. 130.

⁷⁸ Yusuf al-Qarādāwī (1985), *Op.Cit.* h. 34.

⁷⁹ Surah Al An’ām 6 :145.

Maksudnya:“Katakanlah,”Tiadalah aku peroleh di dalam wahyu yang diwahyukan kepadaku,sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya,kecuali kalau makanan itu bangkai atau darah yang mengalir atau daging babi-kerana sesungguhnya semua itu kotor-atau binatang yang disembelih atas nama selain Allah .

Maka zahir ayat ini menunjukkan bahawa perkara yang empat ini sahaja yang diharamkan sedangkan perkara yang selain dari itu dibolehkan sehingga haiwan-haiwan buas yang tidak disebutkan haram di dalam ayat ini adalah halal. Menurut Imam al-Ghazālī pengharaman sesuatu jenis makanan itu ialah berdasarkan kepada dua keadaan iaitu pengharaman kerana keadaan zat benda itu sendiri seperti arak dan daging babi. Pengharaman yang kedua adalah adanya sebab lain seperti mendapatkannya secara tidak halal seperti mencuri, binatang yang tidak disembelih dan penyediaan yang tidak bersih dan suci menurut syarak dan sebagainya.⁸⁰

Perkara haram melibatkan makanan ialah seperti daging babi dan makanan terbitan atau campuran daripadanya, arak (alkohol), daging binatang yang mati (bangkai), daging binatang sembelihan yang menyebut selain dari nama Allah, darah, dadah dan lain-lain lagi. Makanan yang diharamkan oleh Allah ada dinyatakan dalam firmanNya⁸¹ yang berbunyi :

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ وَالْدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنْزِيرِ وَمَا أُهْلِيَ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ وَالْمُنْخَنِقَةُ وَالْمَوْقُوذَةُ
وَالْمُتَرَدِّيَةُ وَالنَّطِيحَةُ وَمَا أَكَلَ السَّبُعُ إِلَّا مَا ذَكَّيْتُمْ وَمَا ذُبِحَ عَلَى النَّصْبِ.

“Diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai (binatang yang tidak disembelih, darah daging babi (termasuk semua bahagian haiwan itu)⁸², binatang yang disembelih kerana yang lain dari Allah, binatang yang

⁸⁰ Yusuf al-Qarāḍāwī (1985), *Op.Cit.* h. 24.

⁸¹ Al-Mā'idah 6: 3.

⁸² Pengharaman ini bukan sekadar daging babi sahaja, tetapi termasuk tulang lemak, urat dara, bulu serta organ-organ babi tersebut. Lihat : Mohammad Mahazar Hussaini (1993) *Islamic Dietary Concepts & Practices*, London, The Islamic Food & Nutrition Council of America, Bedford Park. h.. 22.

mati tercekik, yang mati terpukul, yang mati kerana terjatuh dari tempat yang tinggi, dan yang mati ditanduk, dan yang mati dimakan binatang buas kecuali yang sempat kamu sembelih (dengan cara sewajarnya) dan yang disembelih atas nama berhala.”

Sebenarnya perkara-perkara yang haramkan oleh Allah adalah terlalu sedikit jika dibandingkan dengan perkara-perkara halal yang begitu banyak untuk menjadi pilihan. Masalah yang seringkali timbul dalam pengeluaran barangan hari ini ialah apabila benda-benda haram yang sedikit jumlahnya ini di sisi syarak dicampurkan ke dalam benda-benda yang halal, maka ia menjadi haram. Jika seseorang Muslim sengaja menggunakan barangan yang diharamkan itu, maka ia adalah berdosa di sisi Allah.

3.7 PENGARUH MAKANAN HALAL TERHADAP PEMBINAAN SAHSIAH INDIVIDU MUSLIM

Agama Islam menuntut kita supaya menjaga setiap barangan yang digunakan setiap hari supaya dipastikan halal dan tidak meragukan. Selain alasan-alasan lahiriah yang seringkali ditemui melalui kajian ilmiah, tetapi di sana juga terdapat aspek penting lain yang gagal dibawa melalui kajian makmal. Pengaruh dan manfaat terhadap jiwa manusia adalah salah satu aspek yang luar dari batasan kemampuan manusia untuk diuji.

Di bawah ini, terdapat empat kesan secara langsung apabila mengambil barangan atau makanan halal, iaitu:

- i. Pengambilan makanan halal memberikan ketenteraman pada jiwa yang diperlukan setiap manusia. Pengambilan sesuatu yang haram atau *syubḥah* seringkali menyebabkan jiwa tidak tenteram dan tidak seimbang kerana bertentangan dengan naluri fitrah manusia yang suci. Hati mereka juga sukar

menerima kebenaran dan hilang rasa sensitif terhadap perkara-perkara kebaikan. Menurut *al-Ghazālī* dalam kitab *Iḥyāʾ Ulum al-Dīn*, sesiapa yang memakan barang syubḥah selama 40 hari hatinya akan kelam.⁸³ Pengambilan yang halal dan berkualiti mendorong individu melakukan kebaikan dan kebajikan. Malah para Rasul dituntut melakukannya seperti ayat berikut:

“Wahai rasul-rasul makanlah daripada sesuatu yang baik-baik dan kerjakanlah amalan soleh”. (al-Mūʾminun:51)

- ii. Membina sikap dan semangat juang yang tinggi dalam menegakkan kebenaran ajaran Islam. Sesiapa yang sentiasa menjaga makanan daripada yang haram dan *syubḥah* bermakna ia berjuang menegakkan agama Allah. Hal ini telah dijelaskan oleh Rasulullah SAW⁸⁴:

“Sesiapa yang berusaha untuk keluarganya daripada makanan halal, maka ia seperti orang yang berjihad di jalan Allah. Dan sesiapa yang mencari makanan halal di dunia ini, maka ia adalah berada dalam darjat orang-orang mati syahid” (Riwayat Tobrānī dari Abu Hurāirah).

- iii. Pengambilan makanan halal dapat membersihkan hati dan menjaga lidah dari bercakap sesuatu yang tidak berfaedah. Makanan dan minuman halal yang digunakan akan membentuk darah daging dan meningkat kualiti kesolehan zahir dan batin seseorang.⁸⁵

- iv. Individu yang sentiasa mengambil makanan halal dalam hidupnya akan mendekati diri kepada Allah dan Allah memakbulkan doa dan

⁸³ Al-Ghazālī, (1990) *Op. Cit.* h. 140.

⁸⁴ Mālik Bin Anas, (1991) *Muwatṭāʾ Imām Mālik*, Juz 2, Dār Qālam, Damsyik, h. 81

⁸⁵ Abū Al-Farj Abdul Raḥman Bin Aḥmad (1408), *Jāmiʾ Al-ʿUlūm wal Ḥukum*, Juz 1, Dār Maʾrifah Beirut, h. 100.

permohonannya. Sabda Nabi SAW yang diriwayatkan oleh al-Darīmi⁸⁶ yang bermaksud:

“Kemudian ada seorang lelaki datang dari tempat yang jauh, rambutnya tidak terurus penuh debu, dia mengangkat kedua tangannya kelangit sambil berdoa, wahai Tuhanku, padahal makanannya haram, pakaiannya haram, dan diberi makan dengan yang haram pula. Maka bagaimana mungkin doanya itu dikabulkan?”

Kesan daripada makanan yang haram juga, jasad mereka akan menjadi bakaran api neraka sepertimana yang dinyatakan oleh sebuah hadis dari Tafsiran *al-Qur’ān al-Azīm*⁸⁷ maksudnya;

“Mana-mana hamba yang daingnya tumbuh dari usaha yang haram dan hasil daripada riba , maka nerakalah yang layak baginya.”

Selain dari penjelasan al-Qur’ān dan al-Sunnah di atas, Imam al-Ghazālī yang turut dirujuk sebagai pakar psikologi menyentuh secara langsung mengenai pengambilan makanan haram terhadap keturunan dan zuriat manusia. Beliau meminta kita memberi perhatian terhadap makanan halal yang diberikan semenjak anak masih kecil lagi. Kesannya bukan sahaja anak itu dibentuk menjadi seorang yang bijak, pintar, cergas dan berguna, malah menjadikan seseorang itu soleh dan budiman. Sebaliknya seorang anak yang dibesarkan dengan makanan haram dan kotor akan membentuk watak anak tersebut sebagai anak derhaka. Ini adalah kerana makanan dan minuman yang diambil semenjak kecil lagi akan mempengaruhi dan menjejaskan jiwa dan akal budi seseorang setelah dewasa.

Lebih jauh lagi anak tersebut hendaklah dijaga ketika dalam kandungan dan ibunya tidak mengambil sebarang bentuk yang meragukan, benda-benda yang haram

⁸⁶ Al-Dārīmi, (t.t.) *Sunan al-Dārīmi*. Juz al-Thāni, Dār al-Fīkr, Beirut h. 300.

⁸⁷ Ibnu Kathīr, (1937) *Tafṣīr Qur’ān al-Azīm*, Jūz al-Awwāl, Mustafa Muḥammād, Misr. h. 203.

dan hendaklah mengambil makanan yang berkhasiat supaya bayi ini dilahirkan dalam keadaan sempurna jiwa dan fizikal. Ini selari dengan pandangan pakar pediatrik menyarankan ibu yang hamil hendaklah sentiasa menjaga kesihatan mental dan pengambilan makanan agar bayi yang bakal dilahirkan sihat. Pengambilan makanan yang tidak sihat seperti makanan yang banyak pengawet atau pewarna juga membolehkan anak yang dilahirkan tidak sihat. Begitu juga dengan makanan yang tidak seimbang, kekurangan makanan dan zat besi boleh merencatkan pertumbuhan janin dalam kandungan.⁸⁸

Oleh itu, pada dasarnya syariat Islam menuntut supaya memilih makanan halal lagi baik kerana ianya akan meningkatkan kesejahteraan dan menghindarkan kemudaratan seperti penyakit dan keracunan makanan tanpa mengira peringkat. Bagi menentukan makanan halal dan berkualiti, sumber makanan malah barang gunaan hendaklah diambilkira. Sumber yang haram dan *syubhah* sudah tentu akan mempengaruhi jiwa dan menjejaskan pembentukan jasad seseorang. Akibatnya kesan buruk akan menyebabkan seseorang itu sukar mendidik jiwa seperti keras hati, keras kepala, angkuh dan cepat marah. Lebih parah lagi ia akan merosakkan keturunan, masyarakat dan negara.

Namun demikian pengambilan makanan bukan sekadar menjaga kepentingan mental, jiwa dan kesihatan fizikal insan semata, malahan menyentuh soal ibadah. Ekoran itu juga, al-Ghazālī dengan serius menegaskan dalam *Ihya' Ulumuddīn* bahawa pahala ibadah akan hilang dengan makanan haram kerana makanan halal adalah asas segala ibadah. Oleh itu, al-Qurān menuntut setiap insan hendaklah memperhatikan makanannya sebelum diambil.⁸⁹

⁸⁸ Mohd. Sharani Ahmad, (2004) *Psikologi Kanak-Kanak*, PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd. h.211

⁸⁹ Abāsā: 24

3.8 KESIMPULAN

Setelah kita melihat secara perbandingan menerusi pelbagai dimensi dua agama samawi iaitu Yahudi dan Islam, adalah jelas wujud percanggahan ketara pada dasarnya dalam konsep halal, di mana konsep halal mempunyai pengertian tersendiri yang membezakan dengan yang lain. Percanggahan yang berlaku adalah hasil pembawaan penganut masing-masing sama ada di kalangan penganut agama samawi mahupun agama budaya. Malahan pendekatan prinsip halal dalam syariat Islam bukanlah suatu percubaan menserasikan mereka dengan Islam yang sudah pasti dari segi akidahnya memang telah diselewengkan. Sebaliknya penganut Yahudi wajar mendekati dan memahami semula teks ajaran mereka dengan harapan mereka merujuk semula kepada ajaran asal mereka.